

# Nurul Asyikim kejar kejayaan pelbagai bidang

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR  
berita@kosmo.com.my

JADUAL harian yang padat sebagai pelajar universiti bukan penghalang kepada Nurul Asyikim Zakaria, 23, untuk mempelbagaikan kemahiran dengan menceburi bidang peragaan dan perniagaan dalam talian.

Anak kelahiran Machang, Kelantan yang juga pelajar tahun akhir Bachelor Komunikasi (Kewartawanan), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, alasan tidak cukup masa dapat diatasi dengan pengurusan waktu yang baik.



"Pengurusan masa amat penting, bagi saya menguruskan masa dengan bijak adalah kunci paling berharga untuk mencipta kejayaan," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Gadis yang lebih suka dipanggil Ekim ini bersama beberapa orang rakannya mengusahakan butik dalam talian, Etelista Boutique untuk memasarkan pelbagai jenis selendang beserta tutorial cara pemakaiannya mengikut cita rasa masing-masing.

Gadis ini turut menceburi bidang peragaan dan paling manis, dia berjaya meraih tempat ketiga dalam pertandingan pencarian Cover Majalah Nur/Dara.com selain finalis Ikon Remaja Muslimah terbitan Karya Prima Production.

Ekim yang pernah menjadi pelakon teater bangsawan memberitahu, dorongan ibu bapa menjadi pembakar semangat untuk dia meneroka peluang dalam pelbagai bidang.

Dalam aktiviti luar, Ekim turut dikenali sebagai atlet yang pernah mewakili UPM dalam pertandingan sukan kayak. Tidak hairanlah, Ekim juga minat aktiviti lasak yang lain seperti mendaki gunung.

Berpegang kepada falsafah 'jangan mudah mengalah walau apa pun terjadi', Ekim yang bercita-cita menjadi seorang usahawan yang berjaya menegaskan, kejayaan seseorang adalah hasil disiplin yang tinggi.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata: "Tidak salah mencuba bidang baharu, namun janganlah sekali pelajaran diabaikan."



Ekim